

TALKING POINT

**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSOLOR**

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

21 FEBRUARI 2018

DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Satu Malaysia, Salam Negaraku Malaysia - Sehati Sejiwa

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi nafas oleh Allah Aza Wajalla untuk merasai nikmat kehidupan pada pagi ini dan marilah kita menadah tangan memanjatkan kesyukuran kepadaNya kerana memberikan kita kesempatan berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan

Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti. Di samping mendengar perkongsian maklumat terkini berkaitan universiti, kita juga dapat menyihatkan badan melalui aktiviti senamrobik yang dijalankan.

2. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang sanggup memberikan komitmen pada pagi yang indah ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri saudara saudari.

INFO PSIKOLOGI

PEMIKIRAN YANG MEMBAWA PERUBAHAN

3. Pada minggu ini saya ingin berkongsi info psikologi yang telah disediakan oleh Pusat Kaunseling kita bertajuk **PEMIKIRAN YANG MEMBAWA PERUBAHAN.**
4. Analogi yang ingin dikongsikan pada kali ini adalah mengenai seorang pembuat jam. Pada suatu hari, si pembuat jam berkata kepada jam yang sedang dibuatnya. ‘Hai jam, adakah kamu sanggup untuk berdetak sebanyak 31,104,000 kali selama setahun?’ Jam kelihatan terperanjat lalu mengatakan dia tidak sanggup! Lalu si pembuat jam bertanya lagi adakah jam sanggup berdetak sebanyak 86 400 kali dalam sehari? Jam masih terkejut dan berasa ragu-ragu dengan permintaan tuannya. Masakan dengan fizikal jarum jam yang ramping ini mampu berdetak sebanyak itu.

5. Si pembuat jam bertanya lagi. 'Bagaimana kalau 3600 kali dalam satu jam? Jam tersebut tetap berasa ragu-ragu dengan pertanyaan tersebut. Dia masih tidak yakin dengan kemampuan dirinya. Si pembuat jam yang masih bersabar menyoal lagi. 'Sanggupkah kamu berdetak sekali bagi setiap detik?'. Pada kali ini jarum jam terus bersetuju dan sanggup untuk berdetak hanya sekali setiap detik.
6. Maka, setelah siap jam itu dihasilkan, jam itu pun berdetak satu kali setiap detik. Detik demi detik terus berlalu tanpa disedari dan jam itu sangat hebat kerana selama satu tahun dia telah berdetak tanpa henti. Sama ada sedar atau tidak, jam tersebut telah berdetak sebanyak 31,104,000 kali.
7. Analogi ini sebenarnya sangat berkait rapat dalam kehidupan kita. Cuba kita imbas kembali, apabila diberikan tugas dan tanggungjawab yang baru, adakah kita bersedia untuk menerima dan melaksanakannya atau adakah kita mencari pelbagai alasan untuk menolak tugas tersebut. Antara alasan yang selalu kita dengar 'susah la'...'aku tak mampu'..'aku tak boleh buat'..'ni bukan tugas aku' dan pelbagai lagi alasan. Menurut pakar psikologi, imej diri kita adalah hasil daripada apa yang kita fikirkan. Jika kita fikir kita tidak mampu dan ragu-ragu untuk melaksanakannya, maka kita tidak akan berjaya untuk melakukannya. Namun jika kita fikir dan yakin kita boleh dan akan berusaha untuk melakukannya, kita akan berjaya melaksanakannya.
8. Justeru, salah satu tips yang boleh dikongsikan pada kali ini ialah 'ubahlah cara kita berfikir' kerana kita seringkali menganggap kita hanya perlu untuk melakukan hal-hal yang besar untuk kelihatan hebat walhal semua perkara yang besar dimulai dengan perkara-perkara yang kecil yang dilakukan dengan kesungguhan dan keyakinan.

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang saya kasihi

SEMINAR REVOLUSI INDUSTRI 4.0: PENTADBIR MEREKAYASAKAN MASA DEPAN BERTERASKAN PEMBANGUNAN INSAN

9. Pada 8 Februari 2018 lepas telah berlangsung Seminar Revolusi Industri 4.0 : Pentadbir Merekayasakan Masa Depan Berteraskan Pembangunan Insan.
10. Seminar ini merupakan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Universiti Malaysia Perlis (POTENSI) bersama Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI).
11. Seminar ini telah diadakan di Anjung UniMAP Kuala Lumpur dan Majlis Perasmian Seminar oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Tinggi Yang Berbahagia Dato' Kamel Mohamad.

KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2018, ZON PERLIS

12. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama UniMAP telah menganjurkan Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018, Zon Perlis pada 10 dan 11 Februari 2018, bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di Dewan Ilmu UniMAP, Kampus Pauh Putra.
13. Sasaran kita adalah seramai 5000 pengunjung dan Alhamdulillah pengunjung yang hadir adalah berganda melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 12,000 pengunjung.

14. Pecahan kehadiran adalah pada hari pertama seramai 6167 manakala hari kedua 5915 pengunjung.
15. Saya percaya program ini banyak memberi manfaat kepada para ibu bapa, penjaga dan pelajar lepasan SPM, STPM dan Diploma untuk memilih program pengajian yang sesuai dan disukai oleh mereka.
16. Semoga KPT akan memberikan lagi peluang kepada UniMAP untuk menjadi tuan rumah program KPTN pada tahun hadapan. InsyaAllah.

KEJOHANAN SUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SUKIPT) 2018

17. Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2018 yang berlangsung 2 hingga 10 Februari lalu telah menyaksikan kontinjen UniMAP telah memperolehi dua pingat perak dan 4 gangsa.
18. Dua pingat perak itu adalah hasil dari bola tampar pantai lelaki dan Silat Putera I. Manakala pingat gangsa adalah dari acara Silat Puteri F, Petangue (Single Lelaki dan Double Lelaki) dan Tenis (Single Wanita).
19. UniMAP menduduki tempat ke 36 dari 78 kontinjen yang bertanding.

PROGRAM JOM SIHAT

20. Khabarnya hari ini akan diadakan program Jom Sihat saringan ke-2 yang dianjurkan oleh Pusat Kesihatan UniMAP. Saringan ini khusus kepada warga UniMAP yang TELAH MENYERTAI PROGRAM JOM SIHAT SARINGAN PERTAMA.
21. Walaupun ada antara kita yang tidak mengikuti saringan pertama dan tidak dipantau oleh Pusat Kesihatan UniMAP, saya berharap agar kita

semua menitikberatkan kesihatan diri masing-masing. Tiada sesiapa yang mampu mengubah diri kita melainkan kita sendiri.

22. Oleh itu, kepada sesiapa yang masih lagi mengabaikan kesihatan diri masing-masing, marilah kita bersama-sama berikrar iaitu mulai saat dan ketika ini, kita akan mula memantau perkembangan kesihatan kita sendiri dari sudut kolestrol, kandungan gula dalam tubuh, jantung, buah pinggang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
23. Sekiranya terdapat sebarang kerisauan mengenai kesihatan diri sendiri, saya menyeru warga UniMAP untuk terus ke pusat kesihatan kita bagi menjalani saringan kesihatan.
24. Sekurang-kurangnya kita mengetahui status kesihatan kita dan kita mampu mengawalnya sebelum ia menjadi lebih teruk.

PROGRAM PENGGUMPULAN DAN KITAR SEMULA E-WASTE

25. Oh ya, sebelum terlupa saya dimaklumkan bahawa kita akan menjalankan Program Penggumpulan dan Kitar Semula E-Waste - Ke arah kelestarian kampus yang diadakan pada setiap hari Rabu (14, 21, 28 Februari - 7, 14, 21, 28 Mac 2018) bertempat di kawasan letak kereta Pejabat Jabatan Pembangunan UniMAP Pauh Putra dan juga tempat parkir bas di Kampus UniMAP Kubang Gajah.

PENUTUP

26. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.